

Lambaian Kasih dan Sanjungan Budi Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 20 Mei 2020 – Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Kanan, Sektor Perancangan dan Pengoperasian, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia bermula 6 Mei 2020.

Majlis Lambaian Kasih dan Sanjungan Budi Pengarah Pendidikan JPWPL telah diadakan secara dalam talian sempena Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertempat di Bilik Mesyuarat Botanikal.

Majlis secara maya ini telah dihadiri oleh hampir 250 orang warga pendidikan WP Labuan.

Dalam ucapannya, Encik Raisin Saidin menzahirkan ucapan

setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Warga Pendidikan Labuan yang sentiasa memberi kerjasama dan sokongan sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Saya bersyukur kerana pernah berjuang bersama tuan/puan yang sangat komited, amanah dan professional dalam memikul tanggungjawab. Semoga kecemerlangan tersebut akan terus dipertingkatkan demi Labuan tercinta ini".

"Saya sentiasa mendoakan agar tuan/puan sekalian diberikan kekuatan dan petunjuk untuk memimpin sekolah masing-masing seterusnya memacu kemakmuran Labuan".
Encik Raisin Saidin



Sepanjang tempoh 4 tahun 7 bulan menerajui Jabatan Pendidikan WP Labuan, beliau yang sinonim dengan tagline **'Roh Guru Sentiasa Mendarah Daging'** ini telah banyak membawa perubahan dan kejayaan.

Antaranya ialah pengemblengan sumber manusia, pengurusan

kewangan, pengurusan sekolah dan akademik serta pengurusan pentadbiran yang lebih efektif.

Seluruh warga Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Encik Raisin Saidin di atas pelantikan sebagai Timbalan Pengarah Kanan, Sektor Perancangan dan Pengoperasian, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Semoga tuan terus maju jaya di bawah kepimpinan baharu ini demi kemenjadian murid-murid di Malaysia.

● REC



(138)

99+



Sawal Salleh (You)

TP PERANCANGAN

raisin saidin

Sarifah Mahmod


Others in the meeting (134)

CELCOM Stay In Stay Safe 11:40



(124)

99+



Sawal Salleh (You)



ANITA SHYAMINI A/P S. A...



raisin saidin



DURASAD BIN EDRIS Moe



Others in the meeting (120)



 (123)

 99+



Sawal Salleh (You)

Nuqman Hakem Yusup >

Che'gu Adam >

raisin saidin >

Others in the meeting (119)





(126)


99+



Sawal Salleh (You)



ABD RAHMAN BIN SALIM ... >



ANITA SHYAMINI A/P S. A... >



raisin saidin >

Others in the meeting (122)



(126)

99+




Sawal Salleh (You)

nadhrah fitrin natasha wa... >

raisin saidin >

Faridah Amit >

Others in the meeting (122)





(123)

99+



Sawal Salleh (You)

Nuqman Hakem Yusup



raisin saidin



RISA THE WALKER



Others in the meeting (119)



 (131)

 99+




Sawal Salleh (You)



ABD RAHMAN BIN SALIM ... >




raisin saidin >



nadhrah fitrin natasha wa... >

Others in the meeting (127)







Kalam Wahyu Semarakkan Sambutan Hari Guru Tahun 2020 Peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 15 Mei – Majlis Kalam Wahyu sempena Sambutan Hari Guru 2020 Peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) diadakan secara dalam talian dengan disertai lebih daripada 100 orang warga pendidik di pejabat dan kediaman masing-masing pagi tadi.

Majlis


Kalam Wahyu Sempena Hari Guru ini diurus setiakan oleh Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bermula jam 8.00 pagi.

Majlis Bacaan surah Yassin telah diketuai oleh Ustaz Sahrum Bin Samlan manakala bacaan doa selamat pula diketuai oleh Ustaz Mohd Syahir Bin Mohd Yusoff.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah Kanan, Sektor Perancangan dan Pengoperasian, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Encik Raisin Bin Saidin yang merupakan mantan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut hadir ialah Timbalan- timbalan Pengarah, Ketua-ketua Penolong Pengarah , pegawai-pegawai JPWPL, para

pengetua, guru besar juga guru-guru di sekitar wilayah ini.




Majlis Kalam Wahyu secara telesidang yang dikendalikan oleh Ustaz Mohd Syahir menggunakan aplikasi google meet berjalan lancar.

Dalam ucapan selepas bacaan doa selamat, Encik Raisin Saidin berkata guru yang hebat dan ingin memajukan diri dan anak-anak murid ialah guru yang bersedia menerima amanah dan tanggungjawab.

“Cabaran dan halangan sepanjang menunaikan amanah dan tanggungjawab bukanlah suatu penderaan, meyusahkan apalagi sia-sia. Hasil selepas melalui cabaran dan halangan di dalam tanggungjawab akan menjadikan kita berilmu dan meningkatkan kualiti dan jati diri sebagai guru yang murabbi” katanya di dalam telesidang dalam majlis tersebut.

Katanya lagi, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan sejak 18 Mac lalu berikutan pandemik Covid-19, secara tidak langsung perlu diambil peluang untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan yang sebelum ini sukar dilakukan berikutan sibuk dengan tugas

masing-masing.



Encik Raisin Saidin menyampaikan amanat kepada warga pendidik di JPWPL semasa Majlis Kalam Wahyu.

PKP adalah inisiatif untuk membantu mendidik anak-anak di rumah terutama dari aspek pembelajaran, kebersihan dan keselamatan diri.

"Segala yang terjadi pasti ada hikmahnya. Mungkin apa yang terjadi ini memberi peluang kepada ibu bapa untuk mewujudkan persekitaran muafakat bersama keluarga dengan meluangkan masa bersama seperti bertadarus, solat jemaah, solat terawih dan sebagainya di bulan Ramadan ini".

"Ia memang satu perubahan drastik, namun kita perlu berlapang dada dan menerima situasi ini kerana ia bukan sahaja membabitkan nyawa seseorang malah kita bertanggungjawab memutuskan semua rantaian Covid-19 dalam semua komuniti," Encik Raisin Saidin.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik di wilayah ini.

“Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu”, tema ini menyentuh peranan guru dalam memperkasa keilmuan dan profesionalisme bagi membina generasi baharu negara yang dapat memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam telesidang tersebut, turut diadakan gimik penyampaian infaq Kasih Ramadan oleh Kelab Pendidikan. Tabung Infaq Kasih Ramadan telah dilancarkan oleh Encik Raisin Saidin pada 24 April 2020 yang lalu.

Menurut Pengerusi Kelab Pendidikan, Encik Azeryn Hj Mamma, tabung infaq Kasih Ramadan merupakan idea yang dicetuskan oleh Encik Raisin Saidin untuk menyantuni rakan-rakan anggota kumpulan pelaksana (AKP) gred N19 ke bawah di samping mengeratkan lagi kemesraan di antara ahli.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



Pengerusi Kelab Pendidikan, Encik Azeryn Hj Mamma (tengah,kiri) menyampaikan sumbangan Infaq Kasih Ramadan

kepada ahli kelab pendidikan.

Edisi 5 : Keluaran Khas Sempena Perintah Kawalan Pergerakan Selamat Hari Pekerja Tahun 2020



Assalamualaikum

Salam sejahtera

Catatan Pengarah Pendidikan WP Labuan

1 Mei 2020

Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga pendidikan
Jabatan Pendidikan WP Labuan di semua peringkat

pengurusan, di ibu pejabat dan sekolah.

Kita melalui satu pengalaman yang lain daripada kebiasaan dalam tempoh sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan wabak Covid-19. Satu pengalaman yg kita tidak pernah terfikir sebelum ini.

Bekerja dari rumah, mengajar dari rumah, guru berinteraksi dengan anak-anak murid dari rumah dan mengambil kehadiran murid dari rumah bagi setiap sesi PdP.

Semua ini dilakukan secara maya. Tentu saja pelbagai halangan terpaksa ditempuhi. Tetapi ayuh guru-guru Labuan, teruskan usaha murni memikul amanah guru. Bangga dapat mengharungi pengalaman ini. Bakal diceritakan kepada generasi akan datang.

Demikian juga pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan WP Labuan, bermesyuarat dari rumah menggunakan teknologi terkini.

Merancang, melaksana, memantau dan membuat penambahbaikan kepada aktiviti-aktiviti berpusat kepada murid yang dilaksanakan semasa PKP. Semua ini dilaksanakan secara maya. Terima kasih atas dedikasi anda semua.

Jiwa dan roh guru hadir dalam diri saya pada saat ini. Teringat saya akan sambutan Hari Guru yang kita sambut dan rayakan setiap tahun. Tahun ini tidak akan ada sambutan seperti tahun-tahun yang berlalu. Tiadalah sorakan gempita kerana johan sekolah paling ceria kerana keseragaman pakaian Hari Guru, kehadiran paling ramai, sorakan paling ceria dan lain-lain. Ini semua adalah sejarah yg akan disebut sampai bila-bila.

Hari Guru adalah hari kita. Besar maknanya kepada kita. Tinggi nilainya, kerana guru adalah pembina peradaban dan tamadun manusia. Hari Guru lambang kesatuan hati guru-

guru.

Saya doakan semua guru WP Labuan diberikan Allah kesihatan yang baik dan meneruskan tugas dengan penuh dedikasi.

Selamat Hari Pekerja tahun 2020.

Salam mesra kepada semua guru di pelbagai peringkat.

Raisin Saidin
Pengarah Pendidikan
JPWP Labuan
1 Mei 2020

Stay at home
Kita boleh menang!!!

**Edisi 4 : Keluaran Khas
Sempena Perintah Kawalan
Pergerakan
Dari Pengarah Pendidikan
W.P. Labuan**



29 April 2020

Assalamualaikum,
Salam sejahtera,

Semoga tuan/puan sihat walafiat dan dapat menjalani kehidupan dengan baik di samping melaksanakan tugas sesuai dengan keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sudah masuk fasa keempat bermula hari ini.

Kita kekal terus mematuhi arahan PKP demi memutuskan rantai Covid19 yang melanda seluruh dunia.

Kita di Malaysia bertuah dan bersyukur kerana nampak tanda-tanda positif rantai Covid19 semakin.

Salah satu faktor kritikal kejayaan ini kerana rakyat Malaysia termasuk setiap seorang daripada kita mengamalkan disiplin tinggi menyanjung makna STAY AT HOME dan guru-guru pula MENGAJAR DARI RUMAH.

Saya faham guru-guru Labuan telah melaksanakan tugas ini dengan penuh komited atas pancaran kasih sayang mereka terhadap masa depan anak-anak didik. Saya amat terharu dengan dedikasi guru-guru walaupun terpaksa berdepan

dengan pelbagai cabaran mengajar dari rumah.

Saya mewakili seluruh warga Jabatan Pendidikan WP Labuan ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan terima kasih kepada semua guru.

Semoga Allah jua yang akan memberi ganjaran kepada guru-guru sekalian dalam pelbagai bentuk rezeki yang tidak dijangka. InshaAllah.

Saya percaya guru-guru ini telah terpaksa berbelanja lebih dari kebiasaan khususnya dari segi bil internet bagi memastikan murid mereka dapat dibekalkan dengan bahan-bahan PdP yang mencukupi. Sekali lagi saya menyusun jari 10 tanda penghargaan saya kepada guru-guru sekalian.

Kepada semua Pengetua dan Guru Besar, andalah juga sebenarnya penentu kepada kejayaan pelaksanaan PdP semasa PKP ini. Kepimpinan anda dalam menggerakkan guru dan memberikan motivasi kepada mereka amat saya harga dan sanjungi.

Akhir kata, marilah kita seluruh warga pendidik memastikan roh guru terus membara dalam diri kita yang bergelar guru dengan panggilan keramatnya CIKGU...

#Stay at home #Duduk di rumah

Salam hormat,

Raisin Saidin

Pengarah Pendidikan WP Labuan

29 April 2020

Pelancaran Ihya Ramadhan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2020



Labuan, 24 April 2020 – Ramadhan sudahpun menjelang tiba. Bulan yang mulia, penuh keberkatan, kerahmatan dan keampunan yang Allah janjikan kepada seluruh umat untuk mendapat pahala yang berlipat ganda. Bulan ini disambut penuh meriah oleh seluruh umat Islam di seluruh dunia.

Bagi mereka yang mempunyai azam yang tinggi untuk merubah hidup, Ramadhan menjadi salah satu titik permulaan bagi mereka untuk membina diri dan keluarga yang lebih dekat dengan Allah S.W.T.

Ramadhan adalah merupakan madrasah tarbiyah ruhiyyah wa jasadiyah untuk mendidik dan membentuk diri menjadi mukmin sejati serta meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan satu tujuan agar diri menjadi hamba yang diredhai dan dicintai Allah serta selamat di dunia dan akhirat.

Justeru, pelbagai amalan sunat yang semestinya kita kerjakan tanpa meremehkan tuntutan fardhu.

Menyedari hakikat inilah, Kelab Pendidikan dengan kerjasama Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan W.P.Labuan meneruskan kesinambungan tarbiyah dengan menyusun pelbagai pengisian di bulan Ramadhan Al-Mubarak ini. Mudah-mudahan melalui penyertaan program seumpama ini, akan membuahkan hasil dan diterima sebagai amal ibadah di sisi Allah SWT.

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda :

“ Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kerana iman dan ketaatan kepada Allah, serta mengharapkan keredhaannya, akan diampunkan semua dosanya yang telah telah lepas. ”
(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Pada tahun 2020 ini, kita semua menyambut Ramadhan kareem dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Memulakan suatu yang baharu di rumah bersama keluarga. Iaitu amalan yang kebiasaannya dahulu dilakukan secara beramai-ramai seperti solat tarawih yang kebiasaannya secara berjemaah di masjid, bersungkai beramai-ramai, bertadarus dan bertadabbur Al Quran secara berkumpulan dan sebagainya. Namun, itu bukanlah penghalang untuk kita melakukan ibadah-ibadah lain untuk mengimarahkan Ramadhan pada kali ini.

Oleh yang demikian, bagi menyambut seruan Rasulullah S.A.W., kami warga JPWPL bersedia untuk merebut ganjaran yang berlipat ganda yang telah dijanjikan oleh Allah S.W.T. dengan menjayakan program Ihya'Ramadhan, inshaAllah.



Encik Raisin Saidin memberikan ucapan perasmian Ihya Ramadan 2020 secara maya dari rumah



Program Bacaan Yassin secara talian setiap hari jumaat

Program ini tidak lain tidak bukan adalah untuk kelangsungan tarbiyah warga JPWPL di bulan Ramadhan yang mulia ini.

Tujuan Program Ihya' Ramadhan 1439H ini dilaksanakan adalah untuk:

1. □Menyemarakkan ramadhan kareem dalam diri setiap muslim khususnya ahli kelab dan ummat Islam amnya.
2. □Meningkatkan amalan di bulan ramadhan melalui amalan bersedekah, bertadarus, mendengar tazkirah, menjalin ukhuwah.
3. □Merungkai permasalahan berkaitan ibadah berpuasa, ibadah fardhu ain dan fardhu kifayah.
4. □Mengeratkan muhibbah dan silaturrahim di kalangan ahli kelab.
5. Menanamkan sifat dan rasa bersyukur, saling berkongsi rezeki dan membantu orang sekeliling yang hidup dalam kesempitan dan kelaparan melalui amalan bersedekah.

Aktiviti program Ihya'Ramadan tahun 2020:

1. Tabung infa' Ramadhan
2. Tazkirah Jumaat
3. Soal jawab agama `Biar tahu jangan keliru'
4. Bacaan surah yassin setiap pagi Jumaat
5. Tadarus Al-Quran berjemaah di rumah masing-masing.
6. Penyampaian sumbangan 'kasih sayang' warga kelab pendidikan.
7. Kuiz agama
8. Edaran template & bahan digital berkaitan kaifiat berpuasa

Majlis Pelancaran Ihya Ramadhan dan Tabung Infaq Ramadhan Kelab Pendidikan JPWPL telah disempurnakan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan dalam program bacaan Yassin secara dalam talian, hari ini.

"InsyaAllah dengan usaha murni pelancaran Tabung Infaq Ramadhan Kelab Pendidikan ini juga diharap dapat meringankan beban mereka yang kurang bernasib baik terutamanya dalam tempoh yang sukar ini serta menyemai kasih sayang yang lebih erat di kalangan warga kelab pendidikan".

"Tabung ini akan dibuka sehingga penghujung bulan Ramadhan bagi menggalakkan warga JPWPL untuk sama-sama menyumbang dan merebut pahala di bulan penuh barakah nanti," Encik Raisin Saidin

Ahli kelab yang ingin memberi sumbangan kepada Tabung Infaq Ramadan Kelab Pendidikan boleh menghubungi pengerusi kelab Encik Azeryn Hj Mamma.

Saya akhiri ucapan ini, dengan serangkap pantun:

*"Marhaban ya Ramadhan..
Pohon langsung bertunas menjulang,
Dahannya patah jatuh ke halaman,*

*Puasa Ramadhan kembali menjelang,
Salah dan khilaf mohon dimaafkan”*

*“saya dan keluarga mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah
Puasa kepada semua ahli Kelab Pendidikan dan rakan
muslimin.*

*Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum
warohmatullahi wabarakatuh”*

Edisi 3 – Keluaran Khas Sempena Perintah Kawalan Pergerakan : PdP DALAM TEMPOR PKP DI LABUAN BERJALAN LANCAR



Murid SK Patau-Patau menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru melalui internet

Labuan, 17 April 2020 – Dalam tempoh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memasuki fasa ke-3 sehingga 28 April ini, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Labuan tetap berjalan dengan lancar.

Meskipun berhadapan dengan cabaran baharu kepada pendidik dengan penutupan sekolah, guru-guru Labuan sentiasa memastikan murid-murid mereka terus dapat belajar walau dengan cara apa sekali pun.


Mengikut kajian dan analisis yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama pihak sekolah, didapati bahawa penggunaan aplikasi WhatsApp merupakan kaedah yang paling popular digunakan oleh guru-guru di Labuan. Murid-murid juga mudah menggunakan kaedah ini.

Hal ini kerana, aplikasi WhatsApp mudah dan telah sedia

ada digunapakai oleh hampir keseluruhan ibu bapa yang memiliki telefon pintar.

Seramai 1118 orang guru atau 88.5% guru di Labuan menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai medium interaksi bersama ibu bapa dan murid.

WhatsApp dan telegram digunakan oleh para guru untuk menyampaikan maklumat, video, rakaman suara, arahan, tugas dan latihan kepada murid-murid.



Murid SM St. Anthony menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru melalui WhatsApp

Pembelajaran digital google classroom yang telah sedia ada digunakan di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pembelajaran murid dapat membantu guru selain aplikasi lain yang membolehkan interaksi secara terus dengan murid dapat dilakukan.

Bagaimanapun tidak semua ibu bapa mampu untuk menyediakan fasiliti pembelajaran dalam talian.

Sehubungan itu, guru mengambil inisiatif sedia ada dengan menggunakan buku teks, buku latihan sebagai bahan pembelajaran dan telefon sebagai medium perantaraan interaksi.

Semuanya ini untuk memastikan pembelajaran tetap berjalan lancar walaupun mereka tidak berada di sekolah mahupun di dalam bilik darjah.





Aktiviti Murid SMK Taman Perumahan Bedaun menjawab soalan ujian melalui google form



Murid SK Kerupang menggunakan buku teks untuk menyiapkan latihan Matematik

Tinjauan penglibatan guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan mendapati 93.75% melaksanakan PdP dalam tempoh arahan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 3 April 2020.

Perkembangan pembelajaran digital dan PdP berbantuan internet di Labuan juga menunjukkan peningkatan yang positif.

Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan berharap PdP guru mengajar dari rumah sentiasa berjalan dengan baik dan lancar sepanjang tempoh PKP berjalan.


Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengenalpasti beberapa isu dan cabaran dalam melaksanakan PdP sepanjang PKP ini. Antara isu dan cabaran ialah :

- Tidak semua ibu bapa mampu untuk menyediakan fasiliti pembelajaran dalam talian.
- Ibu bapa berkongsi telefon pintar mereka dengan anak-anak . Bagi ibu bapa yang mempunyai ramai anak bersekolah, masalah ini bertambah lebih berat.


“Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa yang amat memahami pelaksanaan PdP semasa PKP ini dan mengambil berat tugas yang guru hantar ke telefon pintar serta laptop ibu bapa.” **Encik Raisin Saidin**

Berikut adalah kaedah yang digunakan oleh guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan mengikut kaedah pembelajaran :

KAEDAH PELAKSANAAN



LAIN-LAIN KAEDAH



Sumber : Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan WP Labuan

Berikut pula adalah data penglibatan guru-guru Wilayah Persekutuan Labuan dalam PdP bermula 30 Mac sehingga 3 April 2020 :

SEKOLAH	JUMLAH KESELURUHAN GURU TERMASUK GBK	GURU B&K	BIL GURU YANG RESPON MELAKSANAKAN PDP	PERATUS
SK BEBULOH	33	1	33	100%
SK SG. BEDAUN	43	-	38	88.37%
SK BUKIT KALAM	57	1	49	85.96%
SK KERUPANG	44	1	43	97.73%
SK PEKAN SATU	88	2	79	89.77%
SK PEKAN DUA	55	1	55	100%
SK LAYANG-LAYANGAN	32	1	30	93.75%
SK LUBOK TEMIANG	44	1	38	86.36%
SK PATAU-PATAU	36	1	27	75%
SK RANCHA-RANCHA	39	1	32	82.01%

SEKOLAH	JUMLAH KESELURUHAN GURU TERMASUK GBK	GURU B&K	BIL GURU YANG RESPON MELAKSANAKAN PDP	PERATUS
SK SG. LADA	31	1	28	90.32%
SK MEMBEDAI	30	-	25	83.33%
SK TANJUNG ARU	38	1	35	92.11%
SK PANTAI	59	-	57	96.61%
SK ST. ANNE	31	1	31	100%
SJKC CHI WEN	62	2	57	91.94%
SJKC CHUNG HWA	36	1	36	100%
SMK RANCHA-RANCHA	34	1	29	85.29%
SMK LAJAU	59	2	53	89.83%
SMK TP BEDAUN	47	1	47	100%
SMK PANTAI	68	2	62	91.18%
SMK LABUAN	129	2	127	98.45%

SEKOLAH	JUMLAH KESELURUHAN GURU TERMASUK GBK	GURU B&K	BIL GURU YANG RESPON MELAKSANAKAN PDP	PERATUS
SMK MUTIARA	93	2	86	92.47%

Sumber : Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan WP Labuan

Koleksi gambar yang mewarnai pelaksanaan PdP semasa PKP di Labuan.



Mesyuarat dalam talian



WP-LABUAN-CM15 ...



NORAZITA BT MD N...




YAHYA BIN AHMAD...



Jawatankuasa tadbir urus PdP JPWPL



Laporan PdP



Sepanjang PKP



Pembentangan analisis PdP



secara dalam talian



■ Murid SK Bukit Kalam




PdP melalui internet




Murid SK Pekan II




Latihan matematik tahun 2Intelek (7/4)




menyiapkan latihan



Murid SMK Lajau : Pembelajaran dari rumah



Murid SMK Labuan menyiapkan tugas geografi dan bahasa melayu






Murid SK Layang-Layangan




■ Melukis batik dan mereka boneka

SJKC Chi Wen




Hasil tugasan murid SJKC Chi Wen




■ Murid SK Rancho-Rancho



Tetap bersemangat : memakai pakaian seragam sekolah



■ Murid SMK Ranza-Ranza



Pembelajaran maya



■ Murid SK Bebuloh – Kuiz dalam talian



Hasil kerja tugas murid



Murid SK Sungai Bedaun



SK SUNGAI BEDAUN


Mekar Terbilang



Guru besar:
Pn Dg Sarifah binti A Mahmod



Antara aktiviti pembelajaran
murid SKSB sepanjang PKP




Kuiz online



Projek
Rekabentuk &
Teknologi

Aktiviti PdP SKSB



Murid SK Tanjung Aru membuat latihan bertulis di rumah



Hasil kerja murid SK Lubok Temiang

[illegible]

6. Jadual berikut menunjukkan taburan baju bagi tiga orang murid lelaki.

nama	Dal	Kumar	Alvin
berat	30 kg	18 kg	25 kg
tinggi	105 cm	88 cm	97 cm
saiz kasut	8	5	6

a. Gariskan jawapan berdasarkan jadual di atas.

(a) Dal lebih (tinggi / rendah) daripada Alvin. ~~Salah~~

(b) Alvin lebih (tinggi / rendah) daripada Kumar. ~~Salah~~

(c) Saiz kasut Kumar adalah lebih (kecil / besar) daripada Dal. ~~Salah~~

(d) Kumar lebih (berat / ringan) daripada Alvin. ~~Salah~~

7. Berdasarkan jadual di atas, ingkutkan saiz di bawah.

Walaupun umur sama, manusia berbeza dari segi berat dan tinggi.

8. Kemeja T saiz yang manakah digunakan oleh Dal, Kumar dan Alvin. Tuliskan nama mereka.

(a) ~~Salah~~

(b) ~~Salah~~


(c) ~~Salah~~

9. Saiz kasut kawan Dal, Kumar dan Alvin. Berat Saiz ialah 20 kg dan tingginya 105 cm. Saiz kasut yang diperlukan oleh Saiz kurang tepat. dalam jadual di atas, saiz kasut bukan saiz yang menunjukkan unit cm

[illegible]



Hasil kerja murid
SM St Anne



Pengajaran dan pembelajaran semasa PKP

Subjek : Matematik
Guru : En. Shau Kui Hiung




Online kelas (Zoom) dengan murid kelas 3A3




Online kelas (Zoom) dengan murid kelas 3A1 dan 3A2

Pdp dalam talian melalui aplikasi zoom







Murid SK Sungai Lada



Tekun belajar



■ Murid SK Patau-Patau sedang membaca arahan tugas yang diberikan oleh guru melalui telefon



Tugasan matematik murid SK St Anne



PSV tahun 6



Anyaman selipar murid SK Pantai



Membuat buku skrap



BI 4C- Phoebe Ng

Change the words to the simple past tense form.

Maznah washed her shoes and dried (dry) them in the sun.

She wrapped (wrap) the birthday present and went to the party.

My mother made (make) a vase with a plastic bottle.

Terry took (take) his dog for a walk yesterday.

My little brother put (put) his toys in a box and went to bed.

He was (be) late for school yesterday.

Awesome! ★★

Simple Past Tense


Total points **35/35** ?

Complete the following questions by choosing the correct past tense for the verb.

Name *

Phoebe

Murid SJKC Chung Hwa



Today

5C SAINS: MENJAWAB QUIZIZZ SELEPAS PEMBELAJARAN

- Kuiz dalam talian



SK PEKAN SATU W.P LABUAN



PRA SEKOLAH



PERDANA



SKPS TRULY NUMBER ONE !

PPKI



Murid SM Sains Labuan : Tugas Telegram, Peta Minda dan Ikhtiar Hidup



Tugas untuk murid PPKI SMK Mutiara dalam mata pelajaran Asas Masakan.

**Edisi 2 – Keluaran khas
sempena Perintah Kawalan
Pergerakan : MURID BELAJAR**

DI RUMAH, GURU MENGAJAR DARI RUMAH



(Gambar hiasan : Encik Raisin Saidin ketika melawat murid-murid di sekolah Labuan awal Januari 2020)

Labuan, 26 Mac 2020 – Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan menyeru guru-guru agar menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dalam mengajar murid dari rumah berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, pada minggu ini guru tidak lagi bercuti, sebaliknya mengajar dari rumah dan perlu menyediakan bahan pembelajaran untuk anak-anak murid sepanjang PKP ini berjalan.

Tugasan dan arahan kerja rumah boleh dilaksanakan oleh guru daripada semudah-mudah bentuk komunikasi iaitu SMS, *WhatsApp* sehinggalah menggunakan Facebook Live, Zoom Meeting, IG, dan bentuk komunikasi lain yang ada dari

rumah.

Guru boleh menggunakan apa-apa sahaja sumber pembelajaran yang ada di rumah atau boleh diakses.

“Guru dan murid boleh menggunakan buku teks, buku kerja, buku ulang kaji dan lain-lain yang dimiliki oleh murid-murid yang ada di rumah.”

Katanya lagi, warga pendidik harus berlaku adil kepada murid dan ibu bapa. Jika ada ibu bapa atau murid mahu mengemukakan pertanyaan berkaitan latihan/tugasan/kerja rumah yang diberikan, guru hendaklah menjawab panggilan atau mesej media sosial atau SMS yang dihantar oleh ibu bapa.

Salah satu sifat ‘Guru Mengajar Dari Rumah’ ialah guru tidak perlu terikat dengan jadual waktu mengajar. Ia bergantung kepada kesesuaian media perhubungan yang digunakan dan juga keupayaan serta bentuk komunikasi yang digunakan.

Sudah tentu murid ini berasa seronok untuk menghantar kepada guru latihan-latihan yang telah mereka siapkan . Jika murid menghantar latihan dan kerja rumah melalui aplikasi *whatsapp* atau emel, guru boleh memeriksa atau menyemak pada masa itu ataupun menunggu pada masa yang sesuai.



Gambar hiasan : Encik Raisin Saidin bersama murid-murid SK Lubok Temiang pada awal Januari 2020

Saya juga ingin mengingatkan agar guru mengelakkan penggunaan bahan bercetak yang perlu diambil dan dihantar ke sekolah.

Guru juga hendaklah mengelakkan murid menghantar kepada guru secara bercetak skrip jawapan atau tugas yg mereka siapkan ketika ini.

Pendekatan 'Guru mengajar dari rumah' adalah terikat kepada PKP yang sedang berkuatkuasa.

"Harapan saya ialah guru-guru sudah mula mengajar murid-murid dari rumah dengan menggunakan pelbagai kaedah sesuai dengan keadaan setempat." Encik Raisin Saidin

Libatkan ibu bapa murid dalam sesi PdP di rumah. Peranan dan pemahaman ibu bapa amat penting kerana kemungkinan kita terpaksa menggunakan *smart phone*, *laptop* atau emel mereka untuk menyalurkan arahan atau latihan/tugasan/kerja rumah kepada murid-murid.

Rancanglah dengan baik dan bersungguh-sungguh pelaksanaan murid belajar di rumah ini.

“Saya memahami dan mengambil maklum bahawa bukan semua ibu bapa mempunyai kemampuan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran secara maya kepada anak-anak mereka. Tidak ada paksaan kepada ibu bapa untuk terpaksa berbelanja lebih bagi tujuan tersebut.

Saya sedar ada lagi keperluan yang lebih mendesak iaitu membeli barang-barang keperluan seharian iaitu makanan dan perubatan.

Oleh itu, saya meminta pihak sekolah supaya mengenal pasti kumpulan berkenaan dan memastikan mereka diberikan perhatian yang istimewa bila mereka kembali ke sekolah dengan memberikan mereka latihan yang cukup”. Encik Raisin Saidin – Pengarah Pendidikan WP Labuan

‘GURU SAYANG MURIDNYA’

#Just Stay At Home, #Mengajar Dari Rumah

**GURU DAN MURID HARUSLAH
MELAKSANAKAN PENDEKATAN
BELAJAR DARI RUMAH**



Labuan 25 Mac 2020 : Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan menyeru para guru dan murid supaya melaksanakan pendekatan belajar dari rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PKP telah dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020 dan seharusnya akan berakhir pada 31 Mac 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 kini dilanjutkan lagi sehingga 14 April 2020.

PKP merupakan satu cara untuk memutus atau menghentikan rantaian penularan wabak COVID-19.

Lantaran itu, sekolah telah ditutup sepanjang tempoh berkenaan dan guru serta murid tidak dibenarkan datang ke sekolah bagi tujuan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan ini, murid hendaklah belajar di rumah dan belajar dari rumah.

Belajar di rumah bermaksud murid mengambil inisiatif belajar secara sendiri dengan menggunakan buku teks sedia ada atau menggunakan buku-buku kerja yang ada.

Selain itu, murid juga boleh menyiapkan latihan-latihan ulangkaji dan pengukuhan yang telah disediakan oleh guru-guru sebagai tugas semasa cuti sekolah.

Belajar dari rumah pula secara mudahnya boleh diertikan sebagai murid dapat berinteraksi dengan guru-guru mereka dengan pelbagai cara.

Cara yang paling mudah dan popular ketika ini ialah melalui *whatsapp* dan *telegram* hanya dengan menggunakan telefon pintar. Malahan penggunaan 'zoom clouds meeting' juga telah mula digunakan oleh guru dan murid.

Banyak lagi cara lain yang boleh difikirkan oleh guru bagi membantu murid belajar dari rumah.

"Saya amat yakin guru-guru era digital ini mempunyai pelbagai kreativiti dan inovasi berdasarkan teknologi yang boleh membantu murid terus belajar dengan bimbingan guru tanpa hadir ke sekolah atau bilik darjah" – Encik Raisin Saidin


Seperti yang dijangka, PKP yang seharusnya berakhir pada 31 Mac 2020 ini telah dilanjutkan lagi tempohnya sehingga 14 April 2020. Semua pihak berharap agar penularan wabak COVID-19 di negara kita dapat dihentikan.

Adalah penting untuk guru-guru yang berada di barisan paling hadapan di bilik darjah menyediakan platform yang sesuai untuk murid-murid yang kita sayangi terus belajar.

Saya juga memohon supaya Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bersama dengan Sektor Pembelajaran dapat membantu, membimbing dan memberi khidmat bantu guru- guru dalam memastikan murid belajar dari rumah benar-benar memberi manfaat kepada murid-murid.

Ini amat bertepatan dengan slogan kita **GURU SAYANG MURIDNYA**

PATUHI SEPENUHNYA ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



Labuan, 19 Mac 2020 : Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan mengingatkan semua warga Jabatan Pendidikan Labuan supaya mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan bagi menghentikan rantai penularan wabak Covid-19.

Semua Pejabat Jabatan Pendidikan WP Labuan dan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan ditutup bermula 18hb sehingga 31hb Mac 2020,

Encik Raisin Saidin berkata, selama tempoh dua minggu ini, warga pendidikan diingatkan agar sentiasa berada di rumah dan tidak perlu bergerak ke mana-mana.

Bagi mendapatkan keperluan asas seperti makanan dan perubatan, hanya ketua keluarga sahaja dibenarkan keluar


dan terus pulang ke rumah setelah selesai urusan.

Program-program anjuran Jabatan Pendidikan WP Labuan, sekolah dan aktiviti pihak NGO bersama sekolah juga ditangguhkan sepanjang tempoh ini.

Tindakan mengosongkan premis jabatan meliputi ibu pejabat di Ujana Kewangan, Bukit Kalam, SSTP, SPMICT, Pusat Kokurikulum dan semua bangunan sekolah adalah untuk menghentikan rantai penularan virus COVID-19.

Mudah-mudahan jangkitan COVID-19 dapat dihindari dan penularan wabak ini insyaAllah dapat dibendung.

Katanya, inilah tujuan sebenar Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan oleh kerajaan.



Tujuannya bukan untuk membolehkan balik ke kampung, memenuhi jemputan kenduri, membeli belah di pasaraya, bersiar-siar di taman atau bercuti di tempat peranginan.

Tujuannya ialah supaya duduk di rumah di mana anda berada. *Stay at home and protect yourself and family.*

Kerajaan mengisytiharkan penutupan sekolah supaya

murid-murid tidak akan bersentuhan dengan rakan-rakan yang mungkin membawa virus COVID-19.

Begitu juga ke tempat kerja supaya tidak berinteraksi secara dekat dan bersentuhan dengan orang lain yang mungkin membawa virus ini.

Akhirnya, rantaian jangkitan dapat diputuskan dan jumlah orang yang dijangkiti wabak ini dapat dikurangkan. Inilah tujuannya.

Marilah kita sama-sama berdoa, menadah tangan agar kita bebas daripada COVID-19. Encik Raisin Saidin

#Just stay at home



Pejabat Jabatan Pendidikan WP Labuan di Ujana Kewangan ditutup dari 18-31 Mac 2020

SMK Mutiara dan SK Kerupang dinobatkan Juara Baharu Kejohanan MSSWPL Kali Ke 20 Tahun 2020



Labuan, 13 Mac 2020 – Sekolah Sukan Negeri SMK Mutiara dan Sekolah Kebangsaan Kerupang dinobatkan sebagai juara baharu Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan (MSSWPL) Kali Ke 20 tahun 2020.

SSN

SMK Mutiara merampas kembali kejuaraan Kejohanan Olahraga MSSWPL yang dimenangi oleh SMK Pantai dua tahun berturut-turut pada tahun 2018 dan 2019.

SMK

Mutiara unggul dengan pungutan 17 pingat emas, 9 perak dan 9 gangsa.

SMK

Pantai IBWS terpaksa berpuas hati di tempat ke-dua dengan pungutan 13 emas, 16 perak, 6 gangsa, manakala SBT SM Sains meraih tempat ketiga dengan 11 emas, 6 perak dan 6 gangsa.

SK

Kerupang mengungguli kategori sekolah rendah dengan mendapat 6 emas, 1 perak, 2 gangsa.

SJK(C) Chung Hwa muncul naib johan dengan 3 emas, 1 perak, 1 gangsa dan SK Sungai Bedaun di tempat ke-tiga dengan 3 emas, 1 perak, 1 gangsa.



Encik Raisin Saidin bersama Juara baharu SK Kerupang, Naib Johan SJK (C) Chung Hwa dan Tempat Ketiga SK Sungai Bedaun



Ceria dan Gembira ! Juara Keseluruhan Sekolah Rendah, Sekolah Kebangsaan Kerupang



Horrey kami juara ! Sekolah Menengah SMK Mutiara

Kontinjen SMK Labuan dan SK Sungai Bedaun dinobatkan sebagai Johan perbarisan kategori menengah dan rendah pada kali ini.

SMK Mutiara dan SM St Anne masing-masing mendapat naib johan dan ketiga perbarisan sekolah menengah.

SK Bukit Kalam naib johan dan tempat ketiga SK Bebuloh bagi pertandingan perbarisan kategori sekolah rendah.

Kejohanan berlangsung di Kompleks Sukan Labuan, bermula 9 Mac dan berakhir hari ini.

Majlis penutupan telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Encik Raisin bin Saidin.

Encik Raisin Saidin dalam ucapannya berkata pungutan pingat bukan merupakan sasaran utama tetapi yang lebih penting adalah ukhuwah yang terjalin dan kualiti kesihatan yang diperolehi sepanjang melaksanakan sukan ini.



Juara Perbarisan Sekolah Menengah, SMK Labuan, Naib Juara SMK Mutiara dan Ketiga SM St Anne

Atlet SMK Mutiara, Aizul Hussin muncul olahragawan terbaik 18 tahun dengan memenangi 3 emas, 1 perak dan 1 gangsa. Beliau mencatat 3 rekod baharu kejohanan dalam acara 100 meter lari bepagar, 400 meter lari berpagar dan lompat kijang.

Manakala Julianne Myra Robin dari Kolej Vokasional dinobatkan sebagai olahragawati 18 tahun dengan pungutan 3 emas melalui acara 200 meter, 100 meter dan merejam lembing.

Mohd Hadi dari SMK Lajau memenangi olahragawan kategori 15 tahun dengan 3 emas 400 meter, 200 meter dan 800 meter.

Kontinjen SMK Mutiara semakin ceria setelah Dayangku Nurdzyuhairah bt Ak Abdul Rahman meraih olahragawati 15 tahun dengan 4 emas dan 1 perak.

Anugerah Olahragawan dan Olahragawati 12 Tahun telah dimenangi oleh atlit dari SK Kerupang iaitu Muhammad Syahputra Hafify El bin Rozi atlet SK Kerupang dan Nur Shafira bt Sambarin.

Muhammad Syahputra menggondol 3 emas melalui acara 100 meteri, 200 meter dan 4 x 100 meter, manakala Nur Shafira memenangi 2 emas dalam acara 400 meter dengan catatan rekod baharu kejohanan dan 4 x 100 meter serta 1 perak dalam 4 x 200 meter.



Encik Mohd Nizam bersama Olahragawan 18 Tahun dari SMK Mutiara Aizul Hussin Untuk rekod, SM St Anne dan SKK SK St Anne merupakan pengelola bersama Kejohanan Olahraga MSSWPL Kali ke 20 Tahun 2020.

“ Sekalung Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada

semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kejohanan kali ini. " Pengelola bersama SM St Anne dan SKK SK St Anne

Berikutan cuaca yang agak panas dan sebagai langkah berjaga-jaga dalam penularan wabak Covid -19, acara majlis penutupan disusun semula supaya menjadi lebih singkat.

" Langkah memendekkan masa ini merupakan salah satu daripada intervensi Jabatan Pendidikan Labuan bagi memastikan kesihatan murid dan guru serta ibu bapa yang hadir memeriahkan kejohanan sentiasa diutamakan".

" Setiap sekolah juga telah menyediakan kanopi yang sesuai untuk para peserta perbarisan masing-masing berlindung dari cuaca panas ketika menunggu pengumuman para pemenang dan juara keseluruhan. Apapun saya yakin kemeriahan kejohanan olahraga ke-20 ini dirasakan oleh semua atlet dan murid-murid guru dan ibu bapa. " Encik Raisin Saidin



Penyerahan Bendera Kejohanan kepada Pengelola Kejohanan Tahun 2021 SMK Lajau dan SK Sungai Bedaun



Encik Raisin Saidin, Tuan Haji Abdul Rahman bersama Timbalan-timbalan, KPP, Pengelola Kejohanan dan Para

Pengetua Guru Besar yang hadir memberi sokongan